



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pembantu butik rugi RM2,450 diperdaya Macau Scam
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 17 August 2018

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 60

Pembantu butik rugi RM2,450 diperdaya Macau Scam

Kuala Terengganu: Tertipu dengan panggilan telefon daripada individu tidak dikenali, seorang pembantu butik berusia 23 tahun kerugian RM2,450 diperdaya Macau Scam.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Idris Abdul Rafar berkata, kejadian kira-kira jam 2 petang, Selasa lalu berlaku ketika mangsa berada di rumahnya di sini.

Beliau berkata, suspek menelefon mangsa dan mengaku dirinya pegawai Mahkamah Alor Setar, Kedah serta memberitahu mangsa

termasuk dalam senarai disiasat polis kerana gagal membayar cukai perniagaan selepas membuat pendaftaran syarikat.

Katanya, mangsa yang terkejut dengan perkara itu kemudian dimaklumkan maklumat dirinya sudah disalah guna pihak ketiga dan mangsa akan dihubungi polis untuk siasatan lanjut.

“Tidak lama selepas itu, mangsa menerima panggilan telefon daripada nombor lain dan pemanggil adalah lelaki yang mengaku dirinya pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Setar.

“Suspek itu mendakwa semakan dibuat mendapati nama pengadu terbabit dengan sindiket pengedaran dadah yang mana pengadu boleh ditangkap dan dikenakan tindakan undang-undang,” katanya kepada NSTP di sini, semalam.

Idris berkata, ‘pegawai polis’ berkenaan kemudian meminta nombor akaun bank mangsa dengan alasan untuk semakan dan mangsa yang panik hanya menuruti arahan itu selain turut mendedahkan nombor PIN serta kad pengenalannya.

“Selepas panggilan itu,

mangsa berasa tidak sedap hati sebelum memeriksa akaun bank miliknya dan terkejut apabila simpanannya berjumlah RM2,450 sudah lesap.

“Semakan transaksi menunjukkan berlaku pindahan ke akaun bank lain pada jam 3.05 petang hari sama dan mangsa membuat laporan di IPD Kuala Terengganu sejurus itu,” katanya.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan usaha mengesan suspek sedang giat dilakukan.